

28/02/2003

Sidang OIC mampu hasil ketetapan konkrit isu Iraq

Ridzuan Yop

KUALA LUMPUR: Malaysia yakin sidang tergepar Pertubuhan Persidangan Islam

(OIC) di Doha, Qatar, minggu depan, mampu menghasilkan resolusi konkrit dan tegas berhubung isu Iraq dan Palestin.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata walaupun ada anggota

OIC menganggap sidang tergepar itu tidak membawa sebarang perubahan, Malaysia tetap yakin ia membantu menyuarakan pandangan tegas pertubuhan itu berhubung dua isu berkenaan.

Beliau berkata, mesyuarat tidak rasmi OIC yang diadakan di sini kelmarin, sehari selepas Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), juga mampu memberi input berkesan kepada sidang tergepar OIC.

"Mesyuarat tidak rasmi OIC yang diadakan di Kuala Lumpur, adalah satu keputusan bijak oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana ia dapat mengumpul pelbagai pendapat dan pandangan anggota OIC.

"Walaupun ada pandangan pihak atau negara tertentu bahawa mesyuarat tergepar itu tidak dapat mengubah keadaan, kita akan tetap mengambil bahagian," katanya pada sidang akhbar selepas taklimat mengenai hasil sidang NAM dan OIC kepada ahli Kelab Penyokong Kerajaan Parlimen Malaysia di sini, semalam.

Syed Hamid mengulas kenyataan Menteri Luar Arab Saudi, Putera Saud al-Faisal, kelmarin bahawa sidang tergepar OIC di Doha, tidak akan membawa sebarang makna.

Sebuah agensi media asing memetik, Putera Saud sebagai berkata Arab Saudi tidak menyokong diadakan sidang tergepar itu seperti yang dicadangkan OIC kerana ia tidak akan dapat mengubah keadaan.

Kenyataan itu juga memetik seorang pegawai Saudi berkata, bahawa Riyadh

percaya sidang tergepar OIC adalah tindakan sia-sia bagi negara Arab dan

Islam kerana ia tidak memberi input baru untuk Iraq kerana kebanyakan negara anggota sudah menyuarakan pandangan mereka pada sidang kemuncak NAM

dan mesyuarat tidak rasmi di Kuala Lumpur.

Selain itu, hubungan Arab Saudi dan Qatar tidak mesra sejak kebelakangan

ini, kerana stesen televisyen Qatar, al-Jazeera sering mengkritik keluarga

diraja Saud yang memerintah Saudi.

Syed Hamid berkata, setiap negara anggota OIC ada pandangan masing-masing terhadap isu itu sama ada mereka bersuara secara terbuka atau sebaliknya adalah pendapat negara masing-masing.

Sehubungan itu, katanya, Perdana Menteri dan beliau akan menghadiri sidang tergepar itu di Doha sebagai menunjukkan tanda sokongan terhadap usaha Qatar menangani isu Iraq dan Palestin.

Mengenai mandat yang diberikan OIC kepada Dr Mahathir sebagai

Pengerusi

NAM untuk mengutus surat kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Syed Hamid berkata, surat itu akan dihantar dalam masa terdekat.

Beliau berkata, surat itu diutus bagi menyuarakan pandangan serta pendirian negara anggota NAM dan OIC berhubung isu Iraq dan keganasan Israel terhadap rakyat Palestin.

Mengenai cadangan minyak mungkin diguna untuk menghalang Amerika Syarikat dan sekutunya daripada menyerang Iraq seperti yang dicapai dalam mesyuarat tidak rasmi OIC, Syed Hamid, berkata ia adalah cadangan dan bukan ketetapan.

"Setakat ini, saya tidak tahu sama ada cadangan itu akan dibawa dalam sidang tergepar OIC, tetapi cadangan menggunakan minyak sebagai senjata menghalang Amerika Syarikat menyerang Iraq akan dikaji dengan teliti bagi mengetahui kesannya," katanya.